

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SPW209 -Politik Perbandingan

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA (3)** soalan. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. Setiap analisa perbandingan memerlukan satu *teori* dan satu *fokus*. Dengan merujuk kepada pengalaman negara-negara yang kita kaji, bincangkan:

- (a) Apakah teori kita dan mengapakan perlunya satu tekanan teori?
- (b) Apakah sumbangan empat orang pemikir politik yang kita pilih kepada pembinaan teori tersebut?
- (c) Apakah fokus perbandingan kita?
- (d) Bagaimanakah teori dan fokus tadi mempengaruhi metodologi perbandingan tadi?

[100 markah]

2. Mengapa timbulnya transformasi aliran *komunis* di Rusia, tetapi tidak di Malaysia, di Jepun ataupun di United Kingdom walaupun pernah ataupun masih terdapat pergerakan parti komunis di sini? Mengapa pecahnya Kesatuan Soviet?

[100 markah]

...2/-

[SPW 209]

3. Bagaimanakah bentuk pemerintahan *fasis* di Jepun dan nyatakan mengapa aliran ini menjadi dominan di sini tetapi tidak di Rusia, Malaysia ataupun di United Kingdom?
[100 markah]

4. Bagaimanakah impaknya pembesaran *kapitalisme* ke atas bentuk politik feudal England? Bagaimana pula impaknya ke atas bentuk pemerintahan Tsaris dan Dinasti Tokogawa?
[100 markah]

5. '*Kapitalisme koloni* telah merubah bentuk politik Malaysia'. Sejauhmana anda bersetuju dengan pernyataan di atas?
[100 markah]

6. Pilih mana-mana **satu (1)** subtesis kursus dan huraikan perkembangannya yang berbeda-beda di England (United Kingdom), di Rusia, di Jepun dan di Malaysia.
[100 markah]

-- oo o0o oo --